☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad

Tarikh: 4/4/2012
Hal: PPSU MS: 410
Rujukan: KUBANG PASU

Bicara siswa bersama UNIC

SINTOK - Biro Kerohanian dan Pembangunan Sahsiah, Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Petronas, Universiti Utara Malaysia (UUM) bakal menganjurkan bicara siswa yang bertajuk Perkongsian Kecemerlangan Bersama Kumpulan Nasyid UNIC April ini.

Pengarah program, Nur Ilham Zakaria berkata, program berkenaan menyasarkan 300 peserta termasuk pelajar dari IPT dan sekolah-sekolah sekitar negeri Kedah dan Perlis.

Program terbabit diberi keutamaan kepada pelajar yang akan mengambil peperiksaan pada tahun ini khususnya.

Program yang akan diadakan di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen UUM pada 28 April ini akan dikenakan yuran serendah RM20 sahaja bagi setiap peserta.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada pejabat am DPP Petronas, di talian 04-9285505/5508/5584 atau menghubungi terusNur Ilham di talian 019-5285499.